

WARTA SAWIT

Jangan lepaskan peluang
memenangi RM 100...
Sertai Kuiz Sawit
SEKARANG!!!

Boleh didapati on-line di <http://palmoilis.mpob.gov.my/index.php/warta-sawit>

Naskhah PERCUMA terbitan Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

Bil. 71 (1)/Jan-Apr 2019



SAYANGI SAWITKU

Produk Malaysia 5★



KEMENTERIAN INDUSTRI UTAMA

Kempen Sayangi Sawitku

24 Mac 2019 (Ahad), 11:00 pagi

Ladang F... Sime Darby Plantation, Pulau Carey

UCAPAN PERASMIAN

MAHATHIR BIN MOHAMAD



Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Kementerian Industri Utama

6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi

43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tel: 03-8769 4400

Faks: 03-8925 9446

www.mpob.gov.my



ISSN 1394-4975



Sidang Penerbit

PENASIHAT
Datuk Dr. Ahmad Kushairi Din

PENGERUSI
Hj. Mohamad Nor Abdul Rahman

**TIMBALAN PENERUSI/
KETUA PENYUNTING**
Dr. Ramle Moslim

PENYUNTING
Dr. Norman Kamarudin
Ruba'ah Masri
Anita Taib
Zulkifli Abd Manaf
Raja Zulkifli Raja Omar
Khairuman Hashim
Ramlan Mat Tamin
Noor Asmawati Abd Samad
M Ayatollah K Ab Rahman

SETIAUSAHA
Dr. Zaki Aman

KANDUNGAN

● Dari Meja Ketua Penyunting	2
● Rakyat Diseru Hargai dan Sayangi Sawitku	4
● Sudut Teknologi - Perangkap Feromon Quad Bagi Kawalan Ulat Bungkus	6
● Sudut Kreatif Sawit	10
● Kuiz Sawit	11
● Sedutan Akhbar	13
● Berita Bergambar	16
● Tahukah Anda? - Bagaimana Amalan Pertanian Baik Membantu Pensijilan MSPO	18
● Diari & Peristiwa	20
● Sembang Sawit	21
● Profil Komoditi	23
● Peladang Jaya	26
● Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit	29
● Direktori MPOB	30

Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak boleh dianggap dipersetujui MPOB.



DARI MEJA KETUA PENYUNTING

Pada Mac 2019, Perdana Menteri Malaysia bersama Menteri Industri Utama telah melancarkan kempen 'Sayangi Sawitku' atau 'Love MY Palm Oil'. Tujuan kempen ini adalah untuk menyemai dan meningkatkan kesedaran mengenai khasiat kesihatan minyak sawit kepada rakyat Malaysia dan amnya kepada dunia. Minyak sawit mempunyai banyak khasiat yang baik untuk kesihatan dan pilihan terbaik untuk penyediaan pelbagai jenis masakan. Kempen ini juga mendidik masyarakat agar menghargai sumbangan sawit kepada pendapatan negara. Pokok sawit mengeluarkan hasil minyak tertinggi berbanding minyak sayuran lain seperti kacang soya, bunga matahari dan sesawi. Selain produk makanan, pelbagai produk berasaskan sawit telah kita gunakan dalam kehidupan seharian seperti sabun mandi, pencuci serba guna dan biodiesel dan lain-lain lagi. Pihak Kementerian Industri

Utama turut melibatkan pelbagai pihak termasuk generasi muda untuk membantu mempromosikan kempen ini agar ia dapat memberi kesan yang besar kepada penggunaan minyak sawit Malaysia. Selaras dengan kempen ini, *Warta Sawit* juga mempromosi penggunaan minyak sawit melalui sudut kreatif dengan memperkenalkan resepi enak yang menggunakan produk sawit sebagai bahan utama masakan.

Tahun 2020 kian menghampiri kita. Persediaan menghadapi mandatori pensijilan MSPO terutama kepada pekebun sawit persendirian sedang rancak dilaksanakan. Untuk jangka masa panjang, selain dapat menjaga alam sekitar, pensijilan MSPO juga dapat memastikan pekebun kecil meningkatkan taraf hidup mereka. Melalui kursus dan latihan berkaitan Amalan Pertanian Baik (GAP), pekebun kecil seharusnya dapat mematuhi kriteria amalan pengurusan sawit dengan baik. Selain itu,

pensijilan MSPO merupakan inisiatif kerajaan untuk penjenamaan produk sawit Malaysia yang dijamin berkualiti, bersih serta selamat untuk digunakan. Kesungguhan lebih 250 000 pekebun kecil sawit amatlah diperlukan untuk menjayakan persijilan MSPO ini. Bagi mengurangkan beban kos yang ditanggung pekebun kecil, maka kerajaan telah memperuntukkan geran RM 30 juta bagi tujuan bayaran pengauditan, latihan dan peralatan yang berkaitan.

Pengurusan kebun sawit yang baik pastinya dapat mengeluarkan hasil yang tinggi. Serangan serangga perosak seperti ulat bungkus akan menyebabkan hasil yang diperoleh berkurang. Fenomena serangan perosak ini kepada tanaman sawit telah diberikan perhatian khusus oleh MPOB. Untuk itu, MPOB telah mewujudkan sistem bancian sistematik dan kaedah kawalan secara bersepadu. Kaedah kawalan ulat bungkus melalui

perangkap feromon Quad telah diperkenalkan. Selain mesra alam dan mudah digunakan oleh penanam sawit, kaedah ini dilihat lebih murah dan berkesan dalam mengawal serangan ulat bungkus untuk tempoh masa yang panjang.

Bagi tempoh suku tahun pertama 2019, melalui indikator terpilih, industri sawit dilihat menunjukkan prestasi positif berbanding tempoh yang sama pada 2018, meskipun pergerakan harga minyak mentah dan buah tandan segar yang sedikit menurun. Namun pekebun kecil harus terus berusaha untuk terus maju serta bersedia untuk menghadapi apa pun cabaran. Pihak kerajaan melalui Kementerian Industri Utama serta MPOB sentiasa berusaha mencari jalan bagi memastikan sektor pekebun kecil sawit terus terbela agar mereka dapat bersaing dalam memberi sumbangan kepada pembangunan negara.

Sudut Renungan



BETAPA PENTINGNYA AIR TERHADAP KEHIDUPAN

Apakah kamu tidak memperhatikan, bahawa sesungguhnya Allah menurunkan air dari langit, maka diaturnya menjadi sumber-sumber air di bumi kemudian ditumbuhkan-Nya dengan air itu tanam-tanaman yang bermacam-macam warnanya, lalu menjadi kering lalu kamu melihatnya kekuning-kuningan, kemudian dijadikan-Nya hancur berderai-derai. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat pelajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal.

(Surah Az-Zumar: 21)

RAKYAT DISERU HARGAI DAN SAYANGI SAWITKU



SAYANGI SAWITKU
Produk Malaysia 5★

Industri sawit yang telah menjangkau lebih 100 tahun merekodkan pelbagai kejayaan dan sumbangan dalam pertumbuhan ekonomi negara. Dalam melakar kejayaan demi kejayaan sepanjang tempoh berkenaan, masih ada segelintir golongan yang mencemburui kejayaan industri sawit negara.

Golongan ini melemparkan pelbagai tohmahan dan tuduhan tidak berasas kerana ingin menjatuhkan imej minyak sawit negara demi kepentingan agenda masing-masing. Negara-negara maju di Eropah telah memulakan usaha perundangan untuk menghadkan atau menghentikan penggunaan minyak sawit atas dasar pengeluaran minyak sawit yang tidak mampan dan menyebabkan penebangan hutan tropika.

Pada masa yang sama, pengeluar produk makanan dan bukan makanan Eropah kini giat memasarkan lebih banyak produk dengan label tanpa minyak sawit atau 'No Palm Oil'. Perkara ini menyebabkan wujud tanggapan negatif terhadap minyak sawit dalam kalangan pengguna di Eropah. Pengguna menganggap minyak sawit tidak baik untuk kesihatan serta merosakkan alam sekitar dan sekali gus menyalahkan Malaysia terhadap kepupusan orang utan.

Lebih malang lagi, tohmahan dan usaha memburukkan minyak sawit oleh pihak di luar

negara ini memberi kesan negatif kepada rakyat Malaysia yang turut terpengaruh dengan mesej anti minyak sawit yang disebar melalui pelbagai saluran termasuk media sosial.

Dalam situasi industri sawit berdepan cabaran getir menangani kempen anti minyak sawit di luar negara, sokongan padu seluruh rakyat Malaysia terhadap industri sawit yang merupakan tanaman komoditi utama adalah tindakan patriotik.

Minyak sawit adalah produk lima bintang kebanggaan negara yang terbukti melalui kajian klinikal mempunyai khasiat pemakanan yang tinggi, baik untuk kesihatan, pilihan tepat untuk makanan dan penyediaan masakan.

Justeru, bagi meningkatkan kesedaran dan menyemai rasa bangga terhadap minyak sawit, Kementerian Industri Utama memulakan kempen secara agresif untuk mendidik rakyat Malaysia mengenai kelebihan minyak sawit dan peranan serta sumbangan penting komoditi ini kepada negara.

Dengan tema 'Sayangi Sawitku' atau 'Love MY Palm Oil' kempen ini akan menumpukan kepada aspek sosial, ekonomi, kesihatan dan alam sekitar. Fokus utama adalah bagi mendidik, mengenali dan menghargai sumbangan industri sawit kepada pembangunan sosioekonomi Malaysia.

Pelancaran Kempen Sayangi Sawitku telah disempurnakan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 24 Mac 2019 lalu di Pulau Carey, Selangor. Dengan menegaskan Eropah bukan pasaran utama minyak sawit Malaysia, tindakan memburukkan imej minyak sawit yang dikaitkan dengan penebangan hutan adalah lebih kepada pertimbangan ekonomi bagi melindungi industri minyak sayuran tempatan yang bersaing dengan minyak sawit.

Minyak sawit mempunyai kelebihan berbanding minyak sayuran lain di pasaran global dari segi penawaran harga yang kompetitif, mempunyai khasiat dan nilai pemakanan yang tinggi dan kegunaan yang pelbagai bagi penyediaan makanan.

Pokok sawit mempunyai hayat ekonomi selama 25 tahun dengan pengeluaran hasil sepanjang tahun dan 10 kali ganda lebih tinggi berbanding minyak sayuran lain. Tanaman sawit bersama kawasan hutan yang lebih separuh keluasan kegunaan tanah di Malaysia berfungsi menyerap pelepasan gas karbon dioksida di udara bagi kepentingan dunia sejangat.

Malaysia tidak boleh menerima tindakan diskriminasi perdagangan minyak sawit kerana industri sawit merupakan penjana penting ekonomi negara dan sumber pendapatan kepada

“Usaha ini akan menutup ruang pihak luar terutama pihak Kesatuan Eropah dan organisasi bukan kerajaan (NGO) untuk mengaitkan minyak sawit dengan penebangan hutan dan pemusnahan habitat serta biodiversiti.”

650 000 pekebun kecil yang mengusahakan hampir 40% keluasan tanaman sawit negara yang berjumlah 5.85 juta ha.

Kepentingan maklumat yang tepat terutama mengenai khasiat pemakanan minyak sawit, pembangunan industri sawit mampan serta kepelbagaian kegunaan minyak sawit perlu dikongsi dengan masyarakat Malaysia bagi memastikan rakyat tidak mudah terpengaruh dengan mesej negatif dan propaganda yang diwar-warkan selama ini oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Dalam konteks ini, usaha kementerian melibatkan syarikat pengeluar produk makanan dan produk berasaskan sawit termasuk syarikat tempatan yang mengkomersialkan teknologi MPOB dalam promosi kempen Sayangi Sawitku akan meningkatkan pendedahan kepada pengguna. Inisiatif Menteri Industri Utama, Teresa Kok melibatkan syarikat-syarikat berkenaan untuk publisiti kempen Sayangi Sawitku melalui label produk keluaran syarikat masing-masing adalah amat bertepatan dan pendekatan strategik.

Kementerian Industri Utama juga bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bagi publisiti kempen Sayangi Sawitku melalui produk minyak masak olein sawit di bawah skim bersubsidi. Kerjasama dengan syarikat pengeluar produk makanan dan produk berasaskan sawit bagi publisiti kempen Sayangi Sawitku dapat meningkatkan kebanggaan dan kecintaan rakyat Malaysia terhadap produk buatan Malaysia berasaskan sawit dalam kegunaan seharian.

Pelaksanaan Kempen Sayangi Sawitku juga melibatkan pendedahan meluas kepada generasi muda di peringkat sekolah, kolej dan universiti mengenai industri sawit dan kegunaan produk sawit. Sasaran kempen Sayangi Sawitku juga termasuk pelancong dan pengunjung dari luar negara. Kementerian Industri Utama bekerjasama dengan kementerian dan agensi kerajaan serta Malaysia Airports Holding Berhad, Malaysia Airlines, Air Asia, Malindo Airways bagi promosi kebaikan dan khasiat minyak sawit serta amalan

mampan industri sawit dan pemuliharaan alam sekitar.

Selain itu, kempen ini juga bertujuan meningkatkan usaha mempertahankan pembangunan sawit dan mengekalkan hutan hujan tropika negara untuk generasi akan datang. Semua pihak terutama yang terlibat dalam industri sawit turut diseru melaksanakan program ‘*Planting for the Future*’. Program ini akan melibatkan penanaman 1 juta anak pokok spesies hutan di kawasan riparian dan tanah usang (*degraded land*) yang terpilih di seluruh Malaysia.

Pada masa sama juga, pihak industri digesa memastikan industri sawit dilaksana secara mampan selaras dengan kerangka *United Nation Sustainable Development Goals* agar alam sekitar terpelihara. Usaha ini akan menutup ruang pihak luar terutama pihak Kesatuan Eropah dan organisasi bukan kerajaan (NGO) untuk mengaitkan minyak sawit dengan penebangan hutan dan pemusnahan habitat serta biodiversiti.

Bagi memastikan kelestarian industri sawit, kerajaan kini sedang giat melaksanakan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang akan menjadi mandatori menjelang 1 Januari 2020. Pelaksanaan pensijilan MSPO berdasarkan peraturan dan amalan kemampanan memberi manfaat kepada industri sawit. Pengeluaran minyak sawit secara mampan juga penting untuk menangani cabaran perdagangan minyak sawit global.

Kerajaan sentiasa komited meningkatkan kemajuan industri sawit bagi memastikan perkembangannya terus relevan dan kekal sebagai salah satu sektor utama penjana ekonomi negara. Oleh itu, semua pihak terbabit terutama pihak industri wajar terus menyokong usaha yang dilaksanakan kerajaan melalui kementerian dan MPOB bagi kesejahteraan industri sawit negara.



Sumbangan:

Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mprob.gov.my

SUDUT TEKNOLOGI

PERANGKAP FEROMON QUAD BAGI KAWALAN ULAT BUNGKUS

Pengenalan


Ulat bungkus merupakan serangga perosak yang menjadi ancaman utama tanaman komoditi sawit di Malaysia pada masa kini. Serangga perosak ini telah diwartakan sebagai makhluk perosak berbahaya pada 15 November 2013 di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976. Terdapat tiga spesies utama ulat bungkus yang biasa menyerang tanaman sawit di Malaysia iaitu *Metisa plana*, *Pteroma pendula* dan *Mahasena corbetti*. Serangan yang teruk pada epidermis daun menyebabkan daun di pelepah kering dan bertukar kekuningan dan lama-kelamaan menjadi keperangan seolah-olah terbakar (*Rajah 1*). Serangan yang teruk boleh mengakibatkan kerugian hasil sehingga 47%. Antara cara ulat bungkus merebak adalah melalui daun sawit yang bersentuhan, bawaan jentera ladang serta melalui tiupan angin.



Rajah 1. Serangan yang teruk pada pokok sawit.

Strategi MPOB dalam menangani serangan ulat bungkus adalah dengan mewujudkan sistem bancian bersistematik dan kawalan melalui pengurusan perosak bersepadu (IPM). Salah satu komponen utama IPM adalah penggunaan


perangkap feromon semulajadi ulat bungkus bagi memerangkap rama-rama jantan menggunakan betina dewasa reseptif sebagai umpan. Kaedah kawalan ini adalah mesra alam dan mudah untuk digunakan oleh pekebun kecil dan estet serta memberikan impak yang tinggi kepada kawalan ulat bungkus. Perangkap feromon Quad merupakan cara yang berkesan untuk memerangkap serangga jenis berterbangan. Rama-rama jantan yang berterbangan akan mencari betina reseptif untuk mengawan, manakala betina dewasa pula tidak boleh terbang dan hanya hidup dalam sarung kepompong (*Rajah 2*). Rama-rama jantan boleh diperangkap dalam jumlah yang banyak dalam setiap pusingan pemerangkapan, seterusnya dapat mengawal aktiviti mengawan dan mengurangkan populasi ulat bungkus pada generasi berikutnya.



Rajah 2. Rama-rama jantan (a) dan betina dewasa yang dikeluarkan dari kepompong (b).

Kawalan Ulat Bungkus Menggunakan Perangkap Feromon Quad

Perangkap feromon Quad menggunakan konsep perangkap lekat. Bagi menarik rama-rama jantan, betina dewasa yang reseptif (*Rajah 3*) dilekatkan sebagai umpan pada perangkap tersebut. Perangkap feromon Quad terdiri daripada empat



Rajah 3. Perangkap feromon Quad yang dipasang di ladang menggunakan betina dewasa reseptif sebagai umpan.

unit plastik pakai buang yang bersaiz 20 x 30 inci. Empat unit plastik ini diikat secara bersiri menggunakan dua tali rafia yang berukuran 11 meter panjang setiap satu dan diikat di antara dua batang sawit yang bersebelahan dan dipasang di sepanjang lorong longgokan pelepah. Perangkap ini kemudiannya disemur dengan gam semburan jenis polibutena. Dua betina dewasa reseptif diletak pada setiap lubang yang dibuat pada perangkap menggunakan keratan pita pelekat. Setiap unit perangkap mempunyai 8 lubang dan sejumlah 16 betina diperlukan sebagai umpan (Rajah 3). Jarak pemasangan setiap perangkap feromon Quad adalah setiap selang lima pokok sawit. Bagi pemerangkapan rama-rama jantan yang optimum di kawasan serangan, perangkap feromon Quad dipasang sebanyak tujuh perangkap per hektar. Penggunaan perangkap feromon Quad didapati menjimatkan kos bahan sehingga 60% berbanding menggunakan perangkap terdahulu iaitu perangkap feromon jenis serkup yang memerlukan dua pancang kayu bagi setiap perangkap. Peralatan dan bahan yang diperlukan untuk memasang perangkap feromon Quad adalah murah dan mudah didapati di pasaran. Anggaran kos bagi setiap kawalan per hektar adalah sekitar RM 265.40 sahaja bagi setiap pusingan.

Tatacara Penggunaan Perangkap Feromon Quad

Perangkap feromon Quad sesuai digunakan di kawasan serangan ulat bungkus dengan pokok

sawit berumur lima tahun ke atas. Ini adalah kerana perangkap ini perlu diikat pada batang pokok sawit. Untuk pokok sawit yang rendah, pancang kayu perlu digunakan untuk mengikat perangkap. Secara asasnya, setiap perangkap feromon perlu dipasang selang lima baris longgokan pelepah dan selang lima pokok sawit.

Keberkesanan Perangkap Feromon Quad di Peringkat Lapangan

Peningkatan populasi tangkapan rama-rama jantan menggunakan perangkap feromon Quad meningkat sehingga empat kali ganda berbanding perangkap jenis serkup. Kadar tangkapan yang tinggi ini dapat mengurangkan kebarangkalian aktiviti mengawan ulat bungkus. Kadar purata tangkapan rama-rama jantan pada hari ke-21 adalah dalam lingkungan 8.13-167.88 rama-rama jantan per perangkap per hari bergantung kepada tahap serangan di ladang (Rajah 4).

Kesimpulan

Penggunaan perangkap feromon Quad dapat memelihara alam sekitar dan mengurangkan kawalan kimia yang boleh memudaratkan alam sekitar dan kesihatan manusia. Selain itu, penjimatan kos adalah sangat signifikan dalam jangka panjang. Kebarangkalian aktiviti mengawan berlaku serta penghasilan telur dapat dikawal dan seterusnya dapat mengurangkan

Berikut adalah tatacara penggunaan dan pemasangan perangkap feromon Quad di ladang:

<p>Langkah 1</p> <p>Sediakan dua tali rafia yang berukuran 11 m panjang (bagi jarak tanaman sawit 9 m x 9 m x 9 m).</p>	
<p>Langkah 2</p> <p>Lekatkan atau stapler empat unit plastik berukuran 20 cm x 30 cm di bahagian atas dan bawah plastik pada dua tali rafia. Plastik hendaklah dipasang secara bersiri di tengah tali. Ikat hujung tali pada dua batang pokok sawit dan kemudian regangkan. Perangkap akan kelihatan seperti sidaian.</p>	
<p>Langkah 3</p> <p>Sembur plastik tersebut dengan gam semburan jenis polibutena.</p>	
<p>Langkah 4</p> <p>Letakkan dua betina reseptif pada setiap lubang yang dibuat pada setiap unit plastik. Sebanyak 16 betina reseptif diperlukan untuk setiap perangkap feromon Quad. * Lubang di hujung kepompong menandakan betina di dalamnya adalah reseptif.</p>	
<p>Langkah 5</p> <p>Pasang sebanyak tujuh perangkap feromon bagi setiap 1 ha kawasan serangan. Tunggu sehingga tempoh 21 hari bagi rama-rama jantan ulat bungkus melekat di perangkap tersebut.</p>	



Rajah 4. Rama-rama jantan yang terperangkap pada perangkap.

populasi ulat bungkus untuk generasi seterusnya. Di samping itu, semua pihak boleh bekerjasama mengurangkan risiko kerintangan serangga perosak terhadap racun kimia yang merupakan salah satu cabaran dalam pengurusan serangga perosak di peringkat nasional dan global.

Rujukan

Esnan Ab Ghani dan Idris Omar (2009). Perusahaan Sawit di Malaysia – Satu Panduan. Edisi Ketiga. MPOB, Bangi, Selangor.

Mohd Najib Ahmad; Norman Kamarudin; Siti Nurulhidayah Ahmad; Othman Arshad;

Mohamed Mazmira Mohd Masri; Ramle Moslim dan A Kushairi (2017). *Efficacy of pheromone trapping and aerial spraying of Bacillus thuringiensis (Bt) for controlling bagworm, Metisa plana Walker (Lepidoptera: Psychidae) in Yong Peng, Johor, Malaysia.* *J. Oil Palm Res.*, 29(1): 55-65.

Norman, K; Siti, N A dan Othman, A (2011). *A sticky vane trap for mass trapping of the bagworm, Metisa plana in Oil Palm.* Seminar Pemindahan Teknologi MPOB 2011. MPOB Information Series No. 487.

Siti Nurulhidayah Ahmad; Noorhazwani Kamaruddin; Nur Robaatul Adhawiyah Mohd Ali Napiyah; Shamsilawani Ahamed Bakeri; Mohd Fahmi Keni dan Mohd Najib Ahmad (2019). Perangkap Quad ulat bungkus. Projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Bahagian Penyelidikan Biologi.



Sumbangan:
Siti Nurulhidayah Ahmad
nurulhidayah@mpob.gov.my



MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN

- **MEMBELI DAN MENJUAL BUAH TANDAN SEGAR SAWIT**
- **MENJUAL INPUT - INPUT PERTANIAN**
- **MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN KHIDMAT NASIHAT TEKNIKAL PENGURUSAN KEBUN**





KARI IKAN JENAHAK SANTAN SAWIT



Bahan

- ½ cawan minyak masak sawit
- 2 tangkai daun kari
- 4 ulas bawang merah (dihiris)
- 4 ulas bawang putih (dihiris)
- 1 paket rempah kari ikan
- 8 ulas bawang merah
- 5 ulas bawang putih
- 1 camca teh jintan putih
- ½ camca teh jintan manis
- 2 camca teh pes asam jawa
- sedikit air
- sedikit garam
- 5 potongan ikan Jenahak
- 2 cawan santan sawit
- Kacang bendi atau tomato

Cara Penyediaan

1. Panaskan minyak di dalam periuk dan tumis bahan tumbuk sehingga bawang layu, terbit aroma dan bertukar hampir keperangan. Masukkan daun kari dan rempah kari yang telah dibancuh dengan sedikit air.
2. Biar sehingga rempah mendidih.

3. Kecilkan api dan teruskan memasak dengan api yang perlahan sehingga rempah menjadi pekat dan terbit minyak yang banyak. Pastikan ia kerap dikacau supaya rempah tidak hangit dan berkerak.
4. Masukkan santan dan sebatikan dengan rempah. Boleh tambah sedikit air jika santan terlalu pekat.
5. Apabila nampak kuah mula mendidih masukkan ikan dan kecilkan api supaya ikan masak secara perlahan.
6. Agak-agak ikan separuh masak, masukkan semua kacang bendi atau tomato.
7. Biar hingga kuah mula mendidih semula, boleh diangkat untuk dihidangkan.



Sumbangan:

Norbet Aziz dan Mohd Rosni Basuni

PENGUMUMAN

Para pembaca dipelawa untuk menghantar resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar dengan keterangan yang lengkap berserta nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Setiap sumbangan yang disiarkan dalam Warta Sawit akan menerima cenderamata khas daripada MPOB. Sila hantar ke alamat: **Sudut Kreatif Warta Sawit**, 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. u/p: Unit Khidmat Pengembangan, Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan Emel: reza@mpob.gov.my, WhatsApp: 017-8219 693

????????? **Kuiz Sawit** ????????????

Pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah **RM 100** sekiranya berjaya menjawab lima soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya **tiga** penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

Syarat penyertaan

- Terbuka kepada pembaca *Warta Sawit* kecuali kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Sila bulatkan jawapan yang betul;
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **31 JULAI 2019**; dan
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Hantar faks/emel jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas kepada:

Kuiz Warta Sawit
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.
*u/p: Unit Khidmat Pengembangan,
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan
melalui Aplikasi WhatsApp 017-8219 693
ATAU fakskan ke 03-8920 2932
ATAU emelkan kepada reza@mpob.gov.my*

**WHATSAPP
SEKARANG !!!
017-8219 693
PENGHANTARAN
BORANG PENILAIAN
MELALUI APLIKASI
WHATSAPP.**

**JANGAN
LEPASKAN
PELUANG
MEMENANGI
RM 100
MELALUI APLIKASI
WHATSAPP**

**SUMBER MAKLUMAT UNTUK MENJAWAB SOALAN KUIZ INI ADALAH BERDASARKAN
ARTIKEL-ARTIKEL DALAM WARTA SAWIT BIL. 71 (1)/JANUARI - APRIL 2019.**

SOALAN KUIZ SAWIT BIL. 71 (1)/JANUARI - APRIL 2019

- 1) Minyak sawit adalah produk lima bintang kebanggaan negara yang terbukti melalui kajian klinikal. Yang manakah antara berikut menyokong pernyataan di atas?
 - a. Khasiat pemakanan yang tinggi
 - b. Baik untuk kesihatan
 - c. Harga yang kompetitif
 - d. Semua jawapan di atas
- 2) Apakah tiga tahap pematuhan yang perlu dipatuhi oleh pekebun kecil dalam Pensijilan MPOB GAP.
 - a. Amalan kebun, amalan membaja, amalan meracun
 - b. Amalan GAP, amalan MSPO, amalan RSPO
 - c. Amalan wajib, amalan dimestikan, amalan digalakkan
 - d. Amalan terawal, amalan pertengahan, amalan akhir

- 3) Bagi mendapatkan tahap kawalan ulat bungkus yang optimum, berapakah Perangkap Quad yang perlu digunakan di kebun sawit.
- 1 perangkap/ha
 - 3 perangkap/ha
 - 6 perangkap/ha
 - 7 perangkap/ha
- 4) Apakah kebaikan yang diperolehi daripada penggunaan Perangkap Quad Feromon.
- Memelihara alam sekitar dan mengurangkan kawalan kimia
 - Kos tinggi
 - Tingkatkan kerintangan serangga perosak terhadap racun kimia
 - Meningkatkan penghasilan telur ulat bungkus
- 5) Berapakah tawaran Kadar Perahan Minyak (OER) yang diperolehi oleh KPSM Serian.
- 17.5%
 - 0.45%
 - 19.5%
 - 22%

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

No. Telefon : _____

Alamat : _____

JAWAPAN SOALAN KUIZ WARTA SAWIT BIL. 70 (3)/SEPTEMBER-DISEMBER 2018

- b
- b
- c
- b
- a

NAMA PEMENANG KUIZ SAWIT

- Saimim bin Masikin, Kuala Langat, Selangor
- Cherenga ak Karong, Lubok Antu, Sarawak
- Ahmad Faiz bin Ahmad Anuar, Kajang, Selangor

SEDUTAN AKHBAR

INDUSTRI SAWIT TIDAK JEJASKAN HABITAT ORANG UTAN Mingguan Malaysia, 27 Januari 2019

KUALA LUMPUR - Kementerian Industri Utama menafikan tuduhan yang dilemparkan gerakan antisawit dari luar negara kononnya industri sawit di Malaysia menyebabkan kepupusan orang utan.

Menterinya, Teresa Kok dengan tegas menyifatkan tuduhan tersebut sebagai persepsi yang sengaja direka bagi menghasut masyarakat dunia agar tidak lagi membeli minyak sawit dalam kehidupan seharian mereka.

"Ada tuduhan daripada gerakan antisawit dalam media sosial yang sebanyak 25 orang utan mati setiap hari akibat hutan yang diteroka untuk penanaman sawit, dan hal ini tidak benar sama sekali.

"Pihak kementerian telah mengambil langkah untuk memperhebatkan lagi kempen *Sayangi Sawitku* bagi memerangi kempen antisawit yang mengancam kedudukan ekonomi negara," katanya.

PEKEBUN KECIL SAWIT ORANG ASLI LAKSANA MSPO Berita Harian, 2 Februari 2019

PULAU CAREY - Seramai 40 orang asli terdiri pekebun kecil sawit dari Sungai Judah dan Sungai Rambai sekitar kawasan ini yang menepati ciri-ciri piawai ditetapkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) memperoleh sijil Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

Masing-masing menerima sijil berkenaan daripada Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin sempena program Jom MSPO Pekebun Kecil Sawit Orang Asli di Pulau Carey.

Program anjuran MPOB dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) turut menyaksikan penyerahan aku janji daripada wakil orang asli yang menerima sijil MSPO kepada Shamsul Iskandar.

Dalam ucapannya, beliau berkata Kerajaan melalui MPOB komited dalam memastikan penanam sawit yang terdiri pengusaha ladang dan pekebun kecil mendapat pensijilan MSPO sebagai jaminan minyak sawit Malaysia diterima baik pasaran antarabangsa.

GANTUNG SEMENTARA SEHINGGA SELESAI ISU BOIKOT MINYAK SAWIT Utusan Malaysia, 6 Mac 2019

KUALA LUMPUR - Kerajaan digesa untuk menanggung sementara segala rundingan dan aktiviti perniagaan membabitkan minyak sawit dengan Kesatuan Eropah (EU) sehingga isu memboikot penggunaan komoditi itu selesai.

Gesaan bersama itu dilakukan oleh empat agensi pengeluar sawit negara iaitu FELCRA, FELDA, RISDA dan Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil Malaysia (NASH) pada Perbincangan Langkah Strategik Bagi Menghadapi Kempen Antisawit oleh Negara-negara EU.

Pengerusi FELCRA Bhd, Datuk Nageeb Wahab yang memimpin gerakan itu berkata, langkah yang diambil itu bagi mendesak EU membatalkan sekatan penggunaan produk minyak sawit negara sebagai bahan api bio yang akan berkuat kuasa pada tahun 2020.

Beliau malah berkata, keputusan EU itu juga akan memberi kesan terhadap lebih 650 000 pekebun kecil dan lima juta isi rumah di seluruh negara.

"Kita sudah buktikan bahawa minyak sawit negara adalah baik, lestari serta tidak memusnahkan hutan dan tidak mencemar alam sekitar namun tidak dipedulikan.

"Jadi, jalan terbaik untuk mendesak EU menarik balik sekatan minyak sawit adalah menerusi ekonomi dan politik," katanya dalam sidang akhbar hari ini.

MPOB BIDAS PIHAK KRITIK KERJASAMA JUAL 1.62 JUTA TAN MINYAK SAWIT

Sinar Harian, 7 Mac 2019

PUTRAJAYA - Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) membidas kritikan pihak tertentu berhubung kejayaan menandatangani perjanjian penjual 1.62 juta tan minyak negara dengan syarikat China dan Malaysia.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr. Ahmad Kushairi Din berkata, penandatanganan empat dokumen melibatkan tiga syarikat China dan empat syarikat Malaysia pada 4 Mac lalu akan membawa kebaikan kepada industri minyak sawit tempatan dan memanfaatkan ekonomi serta pekebun kecil sawit.

Menurutnya, komitmen antara Yihai Kerry (Shanghai) International Trade Company serta PGEO Marketing Sdn Bhd adalah untuk mendapatkan sumber minyak sawit oleh syarikat China iaitu Yihai Kerry dari Malaysia.

"Ini akan membawa kepada impak ekonomi yang lebih positif serta pendapatan cukai bagi Malaysia, namun, terdapat kritikan dalam ruang maya bahawa perjanjian ini melibatkan dua entiti yang sama-sama berada di bawah Wilmar International Limited.

Jelas Ahmad Kushairi, walaupun Wilmar memiliki saham dalam PGEO dan Yihai Kerry, kedua-dua syarikat tersebut adalah entiti berasingan.

PENGGUNAAN DOMESTIK PRODUK SAWIT, HILIRAN DISASAR MENINGKAT 10%

Sinar Harian, 13 Mac 2019

KUALA LUMPUR - Kementerian Industri Utama menyasarkan penggunaan domestik bagi produk sawit serta produk hiliran berasaskan komoditi itu meningkat sebanyak 10% melalui kempen Sayangi Sawitku.

Menteri Industri Utama, Teresa Kok Suh Sim berkata, pada masa ini penggunaan produk sawit di dalam negara hanya mencatatkan 20% manakala baki 80% lagi adalah untuk dieksport.

"Jadi, kita merayu kesemua pengeluar produk hiliran sawit supaya meletakkan logo kempen Sayangi Sawitku pada label produk mereka sebagai langkah mendidik pengguna mengenai produk bahawa yang diambil mereka itu adalah diperbuat daripada sawit," katanya dalam sesi soal jawab semasa perjumpaan bersama syarikat di bawah skim penstabilan minyak masak (COSS) di sini.

"Kempen ini bertujuan memupuk semangat kecintaan dan kebanggaan terhadap minyak sawit Malaysia serta penghargaan dan sumbangannya kepada ekonomi negara," katanya.

PERANCIS AKUI KEMPEN NEGATIF SAWIT MALAYSIA TIDAK BERASAS

Berita Harian, 19 Mac 2019

PARIS - Beberapa ahli Parlimen dan pemimpin politik Perancis mengakui bahawa kempen negatif Kesatuan Eropah (EU) mengenai minyak sawit Malaysia adalah tidak berasas.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail berkata, pandangan itu disuarakan ahli Parlimen dan pemimpin politik terbabit, ketika mengadakan pertemuan dengan beliau di sebuah hotel di sini.

"Ahli Parlimen itu menyatakan bahawa mereka sudah pergi ke Malaysia dan merasakan bahawa memang Malaysia mempunyai satu persekitaran yang baik (berkaitan industri sawit) dan mengakui bahawa sawit kita telah mendapat publisiti yang negatif.

"Mereka sendiri pernah ke Malaysia dan melihat sendiri dan mereka tahu bahawa kempen negatif ini memang tidak berasas dan mengakui bahawa sawit Malaysia bukan seperti yang didakwa sebagai amalan buruk (*bad practice*)," katanya kepada Bernama dan RTM di sini, semalam.

KEMPEN SAYANGI SAWIT MEDIUM PERANGI PROPAGANDA BARAT

Berita Harian, 22 Mac 2019

JASIN - Kementerian Industri Utama akan berusaha mengoptimumkan kempen Sayangi Sawit yang bermula esok sebagai platform memerangi propaganda barat terhadap minyak sawit negara.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin berkata, medium mendidik pengguna khususnya dalam kalangan pelancong asing di negara ini penting dalam usaha menyampaikan maklumat tepat berhubung kebaikan penggunaan minyak sawit dari sudut kesihatan.

“Kita sudah menerima peruntukan RM 2 juta daripada Kementerian Kewangan bagi tujuan mempromosikan kempen Sayangi Sawit, selain bantuan daripada pemain industri bagi menjayakan kempen termasuk menumpukan kepada sektor pelancongan dalam negara.

“Contohnya di Melaka, saya diminta mengetuai kempen ini dengan mensasarkan pelancong asing yang tiba di negeri ini, selain menggunakan medium seperti lukisan mural sawit bagi memaparkan hasil kajian kebaikan dan manfaat minyak sawit,” katanya.

‘MINYAK MEREKA TAK BOLEH LAWAN SAWIT’

Harian Metro, 24 Mac 2019

KUALA LANGAT - Persepsi negatif negara Eropah terhadap minyak sawit termasuk dakwaan penebangan hutan untuk tujuan pembukaan ladang sawit sehingga menyebabkan spesies hidupan liar pupus adalah semata-mata mahu menjaga kepentingan ekonomi mereka.

Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, ia kerana kos bagi pengeluaran minyak sawit adalah murah berbanding minyak kacang soya yang dikeluarkan kebanyakan negara Eropah.

“Alasan mereka, minyak dihasilkan mereka tidak boleh lawan dengan sawit. Kita tanam sekali, 25 tahun boleh dapat hasil minyak sawit.

“Kalau tanam kacang soya, mereka terpaksa tanam tiap-tiap tahun untuk dapat hasil, dengan itu minyak sawit lebih murah dan lagi maju dalam pasaran.

“Untuk melawan (minyak sawit), inilah mereka buat cerita sudah tiada hutan dalam Malaysia, orang utan sudah tiada, harimau pun tiada di sini,” katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Kempen Sayangi Sawitku di Ladang East Pulau Carey, Kuala Langat, hari ini.

TEROKA PASARAN BARU MINYAK SAWIT DI ARAB SAUDI, AFRIKA

Berita Harian, 25 Mac 2019

KUALA LUMPUR - Kerajaan mengenal pasti negara Asia Barat dan Afrika sebagai pasaran baharu minyak sawit dalam usaha mengukuhkan eksport komoditi itu ketika negara Kesatuan Eropah (EU) memboikotnya.

Menteri Industri Utama, Teresa Kok berkata, meneroka pasaran baharu untuk minyak sawit adalah komitmen kerajaan ketika ini bagi memastikan permintaan dan harga komoditi itu berada pada kedudukan terbaik.

Katanya, Arab Saudi dan beberapa negara di benua Afrika seperti Ethiopia dikenal pasti sebagai pasaran eksport baharu yang positif kepada minyak sawit Malaysia.

“Mereka (Arab Saudi dan Ethiopia) sudah mula import minyak sawit tapi kita mahu skala eksport yang lebih besar lagi sebab itu kita kena jumpa kerajaan mereka.

“Timbalan Menteri, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin pada awal tahun sudah pergi ke beberapa negara termasuk Pakistan serta negara Timur Tengah dan saya ingat bulan depan dia akan pergi ke beberapa negara Afrika dan Arab Saudi,” katanya.

Beliau berkata, sememangnya langkah sekatan kemasukan minyak sawit ke Eropah memberi kesan kepada hasil eksport komoditi itu, sehingga menyebabkan harganya rendah, sekali gus menjejaskan pendapatan peladang.

RAKYAT MALAYSIA WAJIB TAHU KHASIAT MINYAK SAWIT

Sinar Harian, 25 Mac 2019

KUALA LUMPUR - Menteri Industri Utama, Teresa Kok hari ini menjelaskan maksud pesanan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir yang meminta rakyat Malaysia agar meminum sesudu minyak sawit sehari.

Teresa memberitahu bahawa Perdana Menteri menyeru rakyat Malaysia menjadi duta kepada produk minyak sawit negara terutamanya minyak sawit dara atau *virgin* yang sangat kaya dengan kandungan vitamin E.

“Sebenarnya kita ada minyak sawit dara atau minyak sawit merah yang sangat bagus untuk menambah baik penglihatan kita.

“Memang ada penyelidikan dibuat oleh pakar nutrisi di China berkenaan minyak sawit merah yang dapat membantu meningkatkan lagi penglihatan terutamanya kanak-kanak.

“Jadi apabila Perdana Menteri kata kena minum satu sudu setiap hari merujuk kepada minyak sawit merah atau dara,” katanya ketika ditemui media di Lobi Parlimen.

Berita Bergambar



YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia melancarkan kempen Sayangi Sawitku di Ladang East Sime Darby Plantation, Pulau Carey, Selangor pada 24 Mac 2019.

Timbalan Menteri (tiga dari kanan) bergambar kenangan sempena program Jom MSPO Orang Asli bertempat di Pulau Carey, Klang pada 10 Januari 2019.



Gambar kenangan sempena Program Jalinan Mesra Bersama MPOB di Sekolah Kebangsaan Pos Piah Sungai Siput (U), Perak pada 11 Februari 2019.

Sesi perbincangan antara MPOB Bersama FELDA di Ibu Pejabat MPOB pada 11 Mac 2019.





YB Menteri Industri Utama dan YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bersama syarikat-syarikat di bawah Skim COSS di Ibu Pejabat MPOB pada 13 Mac 2019.

Pendaftaran peserta untuk Program MSPO Kawasan MSPO SPOC S17, Tongod, Sabah pada 23 Januari 2019.



Taklimat peserta bagi Program MSPO Kawasan SPOC Q22, Marudi, Sarawak pada 9 Januari 2019.

Lawatan Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) ke Projek Impak Tinggi Integrasi Ternakan (ITE) di Bera, Pahang pada 2 April 2019.





BAGAIMANA AMALAN PERTANIAN BAIK MEMBANTU PENSIJILAN MSPO

Industri tanaman sawit di Malaysia kini bersaing dengan negara pengeluar produk minyak lain untuk memenuhi pasaran antarabangsa di samping meningkatkan penerimaan minyak sawit negara di pasaran global. Sehubungan itu, kerajaan telah mengambil langkah melaksanakan Pensijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO) sejak tahun 2015 dan akan menjadi mandatori pada 1 Januari 2020. Melalui pensijilan ini, produk sawit yang dihasilkan melalui kaedah amalan mampan adalah disahkan selamat kepada pengguna serta tidak mencemarkan alam sekitar. Penghasilan minyak sawit mampan memberi cabaran besar kepada rantaian pengeluar minyak sawit Malaysia termasuklah pekebun kecil persendirian (PKP).

Pensijilan MSPO mempunyai tujuh prinsip dan salah satunya adalah penerapan Amalan Pertanian Baik (GAP) yang menjadi keperluan utama penghasilan minyak sawit mampan. Prosedur operasi standard GAP antaranya ialah mengekalkan kesuburan tanah, mengurangkan hakisan tanah, mengekalkan kualiti air bawah tanah dan mengamalkan pengurusan perosak bersepadu (MSPO, 2014).

Pada 2010, pelaksanaan pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan (RSPO) oleh PKP gagal kerana mereka tidak mengamalkan amalan pertanian baik, berpunca daripada kekurangan ilmu pengetahuan. Kebanyakan PKP mengusahakan penanaman sawit berdasarkan pengalaman dan pengetahuan yang mereka warisi dari generasi ke generasi. Selain itu, kestabilan kewangan di kalangan PKP juga memberi kesan kepada penggunaan amalan ini.

Pelaksanaan MSPO secara tidak langsung menyumbang kepada meningkatkan pekebun

mengamalkan GAP, selanjutnya akan membawa kepada peningkatan dalam hasil dan kualiti buah tandan segar (BTS). Hasil BTS dijangka meningkat sekurang-kurangnya 30% daripada tahap produktiviti yang sedia ada. Terdapat 27 amalan GAP yang disenaraikan oleh MPOB dan dibahagikan kepada lapan kategori utama. Pegawai pengembangan MPOB atau lebih dikenali dengan nama TUNAS (Tunjuk Ajar Nasihat Sawit) akan membuat pemeriksaan ke kebun PKP dan akan mengesyorkan GAP yang sepatutnya diamalkan oleh PKP. Amalan GAP yang perlu diamalkan PKP adalah seperti dalam *Jadual 1*.

JADUAL 1. KRITERIA GAP DI BAWAH PROGRAM PENSIJILAN MPOB GAP

Bil.	Kategori	Amalan GAP
1	Penyediaan Kawasan	i. Membina teres atau platform bagi kawasan berbukit dengan cerun antara 6° hingga 25°
		ii. Menggunakan sistem tanam tiga segi atau sistem tanam dua baris sahaja
		iii. Memastikan kepadatan pokok mengikut jenis tanah - Pedalaman atau aluvium - 148 pk/ha - Gambut - 160 pk/ha
		iv. Menyediakan jalan ladang dan baris penuaian yang diselenggara dengan baik untuk pengeluaran BTS
		v. Membina parit ladang dan pengumpul di kawasan paya dan tanah gambut untuk mengawal paras air di dalam tanah
		vi. Memastikan paras air optimum di kawasan tanah gambut untuk mengelakkan pengeringan dan pengecutan pada tanah
2	Pembajaan	i. Membaja menggunakan baja sebatian mengikut syor 6-9 kg/ha/thn
		ii. Membaja di kawasan sekeliling pokok sawit bagi pokok muda atau pada timbunan pelepah bagi pokok matang
		iii. Memastikan pusingan membaja 2 hingga 3 kali setahun
		iv. Membaja dalam tempoh satu bulan selepas baja dibeli
		v. Memastikan pokok sawit tidak menunjukkan tanda-tanda kekurangan nutrien penting

3	Pemangkasan	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengekalkan pelepah hijau yang mencukupi bagi setiap pokok mengikut umur sawit ii. Menyusun pelepah yang dipangkas antara baris di kawasan rata dan kontur seterusnya pada kawasan berbukit
4	Kawalan Rumpai	<ul style="list-style-type: none"> i. Memastikan tiada tumbuhan epifit atau parasit pada batang sawit ii. Memastikan sekeliling pokok sawit bebas daripada rumpai dan hanya rumpai lembut dikekalkan di kawasan lain iii. Mengamalkan integrasi tanaman dan ternakan yang sesuai
5	Penuaian	<ul style="list-style-type: none"> i. Mendapat sekurang-sekurangnya hasil yang optimum mengikut umur pokok sawit ii. Memastikan pusingan penuaian dilakukan di antara tujuh hingga 14 hari iii. Menuai buah tandan segar yang masak sahaja iv. Memastikan tangkai yang dipotong pendek kurang 5 cm v. Mengutip semua buah relai yang jatuh vi. Menghantar buah tandan segar bersama-sama biji relai kepada peniaga atau kilang dalam tempoh 24 jam
6	Kawalan Perosak dan Penyakit	<ul style="list-style-type: none"> i. Memastikan tiada pokok sawit menunjukkan tanda diserang perosak contohnya seperti ulat bungkus ii. Memastikan tiada pokok sawit menunjukkan tanda dijangkiti oleh kulat <i>Ganoderma</i>
7	Pemuliharaan Tanah	<ul style="list-style-type: none"> i. Menyelenggara rumpai lembut ii. Membina lubang kelodak
8	Menyimpan Rekod	<ul style="list-style-type: none"> i. Menyimpan rekod ladang

Prinsip GAP dapat mendidik PKP untuk mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak kerajaan dalam pengurusan ladang. Ini termasuklah penggunaan racun yang dibenarkan dan selamat kepada pengguna serta pemakaian perlindungan diri yang sesuai demi keselamatan bekerja di ladang. Amalan pertanian baik yang diamalkan oleh pekebun kecil menjadi sandaran kepada penjenamaan minyak sawit Malaysia melalui pensijilan MSPO. Selain minyak sawit Malaysia menjadi pilihan utama di pasaran antarabangsa,

“Usaha ini merupakan satu pengiktirafan yang diberi kepada PKP untuk dicontohi oleh pekebun kecil sawit lain.”

ia juga akan membuang persepsi buruk berkaitan produk sawit seperti mengakibatkan kemusnahan alam sekitar dan habitat liar sebagaimana diutarakan oleh Kesatuan Eropah (EU) yang memboikot minyak sawit keluaran Malaysia.

Selain itu, PKP yang mengamalkan GAP dengan baik dapat menjimatkan kos pengurusan sawit terutama penggunaan baja yang optimum dan penggunaan racun mengikut kadar yang ditetapkan dan tidak membazir. PKP juga diajar merekod semua aktiviti pengurusan kebun dan jualan BTS bagi memudahkan mereka melihat semula rekod perniagaan mereka dan mengira pendapatan bersih yang diterima daripada hasil jualan sawit.

Bagi membudayakan amalan GAP di kalangan PKP, MPOB telah memperkenalkan Pensijilan Amalan Pertanian Baik atau GAP kepada pekebun yang berjaya mengurus kebun sawit mereka mengikut piawaian yang disyorkan oleh MPOB. Usaha ini merupakan satu pengiktirafan yang diberi kepada PKP untuk dicontohi oleh pekebun kecil sawit lain. Di bawah program Pensijilan GAP, pekebun kecil perlu mengamalkan sekurang-kurangnya 23 amalan asas daripada 27 amalan GAP yang disenaraikan. Terdapat tiga tahap pematuhan dalam Pensijilan MPOB GAP iaitu 1) Amalan Wajib 2) Amalan Dimestikan dan 3) Amalan Digalakkan.

Kesimpulannya, membudayakan GAP adalah asas untuk meningkatkan produktiviti sawit, di samping menjadi sebahagian daripada keperluan untuk pensijilan MSPO. Oleh itu, PKP perlu sedar kepentingan GAP dan ia adalah satu perkara yang perlu diutamakan dalam pengurusan kebun pekebun kecil.



Sumbangan:
Nur Hanani Mansor
nurhanani@mpob.gov.my

DIARI & PERISTIWA

(MEI - OGOS 2019)

SENARAI KURSUS UNTUK PEKEBUN KECIL ANJURAN TUNAS, MPOB

Program/Kursus	Tarikh	Tempat	Sebarang pertanyaan sila hubungi
ZON UTARA			
Taklimat/Promosi Pensijilan MSPO/KPSM	24/6/2019	Rivertel Hotel, Perak	Penyelaras TUNAS Zon Utara En. Parthiban Kannan Tel: 05-623 4104 parthiban@mpob.gov.my
	6/8/2019	Lower Club, Perak	
Kursus Sehari Sawit Bersama Pekebun Kecil/ Kelab 30 Tan	25/5/2019	Stesen Temoh, Perak	
	3/7/2019	Pendang, Kedah	
	8/8/2019	Perlop. Sg. Siput, Kuala Kangsar, Perak	
Lawatan Sambil Belajar Pekebun Kecil	19/8/2019	Kilang Baja NAFAS Gurun, Kedah	
ZON SELATAN 1			
Taklimat/Promosi Pensijilan MSPO	5/5/2019	Balai Raya Kg. Gembut dan PPK Kota Tinggi Timur	Penyelaras TUNAS Zon Selatan 1 Pn. Nursuhana Dahari Tel: 07-789 1133 nursuhana@mpob.gov.my
	23/6/2019	Dewan FELDA Tebrau dan Balai Raya Kg. Semangar	
	25/6/2019	Kluang 2 (SPOC J3)	
	30/6/2019	Balai Raya Kg. Sg. Gongok	
	3/7/2019	Dewan PPK Endau	
	23/7/2019	Dewan Orang Ramai Layang- Layang (SPOC J7)	
	29/7/2019	Dewan PPK Mersing (SPOC J14)	
	6/8/2019	Balai Raya Parit Patah	
	13/8/2019	Dewan Kg. PT Pak Intan	
20/8/2019	Dewan Kg. Belokok		
ZON SABAH			
Kursus Sehari Sawit Bersama Pekebun Kecil	18/7/2019	Dewan Mini Kg. Lupak Beaufort	Penyelaras TUNAS Zon Sabah 1 En. Amran Arifin Tel: 088-493 700 amranarifin@mpob.gov.my
	22/8/2019	Perpustakaan Membakut, Sabah	
Taklimat/Promosi Pensijilan MSPO	13/6/2019	Dewan Ontoros Tenom, Sabah	
	27/6/2019	Dewan Masyarakat Ranau, Sabah	
	27/8/2019	Dewan Komuniti Kota Marudu	
Lawatan Sambil Belajar kepada Pekebun Kecil	25/7/2019	Dewan Membakut, Sabah	
	8/8/2019	KKS Lumadan	
	20/6/2019	KKS Sook	
	25/6/2019	KKS Langkon	


SENARAI KURSUS UNTUK PEKEBUN KECIL ANJURAN TUNAS, MPOB			
Program/Kursus	Tarikh	Tempat	Sebarang pertanyaan sila hubungi
ZON SARAWAK 1			
Kursus Sehari Sawit Bersama Pekebun Kecil	28/7/2019	Beduru Spaoh, Sarawak	Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 1 En. Arfan Johari Tel: 083-436 273 arfan@mpob.gov.my
	18/6/2019	Dewan Masyarakat Bintangor	
	27/6/2019	Dewan Masyarakat Kg. Semop	
Taklimat/Promosi Pensijilan MSPO	15/5/2019	Dewan SK Siong Tengah Sibul	
	16/5/2019	Dewan Maludam Pusa	
	27/6/2019	Pnom Paku Spaoh	
	27/6/2019	Dewan Serbaguna Lempa, Saratok	
	25/7/2019	Rumah Chang Sg. Rumput Kabong	
	21/8/2019	Kg. Supa Pusa	
Lawatan Sambil Belajar kepada Pekebun Kecil	22/8/2019	Rumah Masing Rudong Roban	
	7/5/2019	Kilang KLB Garden	
	25/7/2019	KPF Samarahan	

***Nota:**

- SPOC: Sustainable Palm Oil Clusters.
- KPSM: Koperasi Penanaman Sawit Mampan.
- KKS: Kilang Sawit.
- KPF: Koperasi Permodalan FELDA.

Pekebun kecil yang berminat mengikuti kursus MSPO, boleh berhubung dengan pegawai MPOB berdekatan. Borang MSPO boleh diperolehi daripada Pegawai MPOB di kawasan masing-masing secara percuma.

Sebarang perubahan tarikh adalah tertakluk kepada penganjur. Mohon hubungi pegawai terlibat untuk sebarang maklumat lanjut.



BORANG PENILAIAN WARTA SAWIT

Sila tandakan penilaian anda berkenaan *Warta Sawit* ini mengikut skala di bawah. MPOB menghargai pandangan dan komen anda untuk menambah baik *Warta Sawit* pada masa akan datang.

Skala:

1 – Rendah 2 – Sederhana 3 – Baik 4 – Memuaskan 5 – Cemerlang

Penilaian							Komen (Jika ada)
1	Kandungan <i>Warta Sawit</i> mudah difahami	1	2	3	4	5	
2	Maklumat dalam <i>Warta Sawit</i> merupakan maklumat terkini dalam industri sawit negara	1	2	3	4	5	
3	Maklumat dalam <i>Warta Sawit</i> membantu dalam menguruskan penanaman sawit	1	2	3	4	5	
4	Berikan skor untuk <i>Warta Sawit</i> keluaran ini	1	2	3	4	5	

5. Bagaimana anda mendapat *Warta Sawit* ini?

- Pegawai TUNAS MPOB Portal MPOB
 Pejabat TUNAS MPOB Lain-lain, nyatakan _____
 Seminar/Kursus anjuran MPOB _____



6. Berikan idea anda untuk menambah baik *Warta Sawit* ini.

7. Adakah anda ingin MPOB mengirimkan *Warta Sawit* ini kepada anda? Jika YA, nyatakan alamat anda untuk penghantaran.

8. Adakah Direktori yang disertakan berguna atau tidak?

Terima kasih kerana sudi meluangkan masa anda untuk memberikan penilaian dan pandangan.

Untuk mengembalikan jawapan anda, sila ikuti tertib berikut:

1. Ambil gambar borang penilaian ini menggunakan telefon pintar anda, dan
2. Hantar gambar tersebut melalui aplikasi *WhatsApp* ke 017-8219 693

MPOB sangat menghargai sumbangan anda.

PROFIL KOMODITI

(JANUARI – MAC 2019)

Isu yang hangat diperkatakan pada awal tahun 2019 adalah tindakan diskriminasi negara Kesatuan Eropah (EU) yang merancang untuk mengharamkan penggunaan bio bahan api sawit yang menjadi sebahagian besar eksport produk sawit Malaysia ke EU. Larangan yang dicadangkan oleh EU ini diusulkan di dalam Arahan Tenaga Boleh Diperbaharui (*Renewable Energy Directive* (RED)). Penggunaan bio bahan api sawit di EU dicadangkan akan dikurangkan secara beransur-ansur bermula tahun 2023 dan pengharaman sepenuhnya pada tahun 2030 di bawah RED.

Ketika ini, Perdana Menteri, YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad bersama-sama pihak Kementerian Industri Utama (MPI), agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dan pihak NGO telah memberikan komitmen yang tinggi untuk memastikan RED ini tidak dilaksanakan. Pihak kerajaan Malaysia juga telah menyatakan kesediaan untuk mengambil tindak balas kepada mana-mana negara yang memboikot produk sawit dengan turut mengurangkan jumlah import barangan mereka ke Malaysia.

Nilai eksport produk sawit Malaysia ke EU adalah RM 9.89 bilion pada 2018 dan yang tertinggi berbanding lain-lain negara pengimport utama (*Jadual 1*), manakala eksport keseluruhan produk Malaysia ke EU adalah RM 98.6 bilion. Ini bermakna 10.1% daripada jumlah eksport Malaysia ke EU disumbang oleh eksport produk sawit. Sebaliknya, Malaysia mengimport RM 84.77 bilion barangan dari EU pada 2018. Selain EU, China

dan India juga merupakan pembeli utama produk sawit Malaysia dengan nilai eksport produk sawit masing-masing sebanyak RM 8.38 bilion dan RM 6.84 bilion. Nilai eksport produk sawit Malaysia ke Amerika Syarikat pula adalah RM 3.64 bilion pada 2018.

Secara keseluruhan, eksport produk sawit Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan yang lebih baik pada Januari-Mac 2019 berbanding tempoh yang sama pada 2018. Jumlah eksport produk sawit meningkat sebanyak 0.55 juta tan atau 8.6% kepada 6.89 juta tan pada Januari-Mac 2019 berbanding 6.34 juta tan pada Januari-Mac 2018 (*Jadual 2*). Peningkatan jumlah eksport produk sawit bagi tempoh masa Januari-Mac 2019 ini disebabkan oleh peningkatan permintaan minyak sawit oleh negara pengimport utama seperti India, China, Nigeria, EU dan Vietnam. Namun begitu, kelemahan harga produk sawit di pasaran telah menyebabkan nilai eksport produk sawit menurun sebanyak 9.7% kepada RM 15.84 bilion pada Januari-Mac 2019 berbanding RM 17.55 bilion pada Januari-Mac 2018.

Bagi tempoh Januari-Mac 2019, harga purata keluaran minyak sawit telah mencatatkan prestasi yang lebih rendah berbanding tempoh yang sama pada 2018. Harga minyak sawit mentah (MSM) telah menyusut sebanyak 18.1% atau RM 445.00 kepada RM 2016.50 setan pada Januari-Mac 2019 berbanding RM 2461.50 setan pada Januari-Mac 2018 (*Jadual 3*). Kelemahan harga MSM ini adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor berikut:

JADUAL 1. NILAI EKSPORT PRODUK SAWIT MALAYSIA DAN IMBANGAN PERDAGANGAN MALAYSIA DENGAN NEGARA-NEGARA TERPILIH PADA 2018 (RM bilion)

Negara	Eksport produk sawit Malaysia	Eksport keseluruhan produk Malaysia	Import keseluruhan produk Malaysia
Kesatuan Eropah	9.89	98.6	84.77
China	8.38	138.88	174.93
India	6.84	36.29	26.47
Amerika Syarikat	3.64	90.73	64.94

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia dan Jabatan Perangkaan (2018).

**JADUAL 2. PRESTASI JUMLAH DAN NILAI EKSPORT PRODUK SAWIT
(Januari-Mac)**

Produk Sawit	Jumlah (tan)		Beza		Nilai (RM juta)		Beza	
	2019	2018	tan	%	2019	2018	RM juta	%
Minyak sawit	4 620 390	4 282 469	337 921	7.9	103 46.45	11 253.80	(907.35)	(8.1)
Minyak isirung sawit	244 701	255 514	(10 813)	(4.2)	870.53	1 302.81	(432.28)	(33.2)
Dedak isirung sawit	689 812	568 139	121 673	21.4	279.27	262.11	17.16	6.5
Oleokimia	795 537	741 860	53 677	7.2	3 096.75	3 744.48	(647.73)	(17.3)
Produk akhir	154 991	122 097	32 894	26.9	664.56	528.62	135.94	25.7
Biodiesel	165 027	92 335	72 692	78.7	439.87	270.11	169.76	62.8
Lain-lain	217 787	277 453	(59 666)	(21.5)	146.47	186.15	(39.68)	(21.3)
Jumlah	6 888 246	6 339 868	548 378	8.6	15 843.90	17 548.08	(1 704.18)	(9.7)

JADUAL 3. PERGERAKAN HARGA PURATA MSM DAN BTS (RM/tan)


Bulan	2018		2019	
	MSM	BTS	MSM	BTS
Januari	2 486.50	520	2 037.00	414
Februari	2 488.00	535	2 100.50	421
Mac	2 426.50	516	1 903.50	373
April	2 418.00	514	-	-
Mei	2 396.00	498	-	-
Jun	2 324.00	480	-	-
Julai	2 215.00	456	-	-
Ogos	2 183.50	467	-	-
September	2 177.50	456	-	-
Oktober	2 082.00	429	-	-
November	1 830.50	370	-	-
Disember	1 794.50	363	-	-
Purata (Januari-Mac)	2 461.50	523	2 016.50	403
Purata (Januari-Disember)	2 232.50	467	-	-

1. Stok minyak sawit yang tinggi iaitu melebihi paras 3.00 juta tan akibat kesan peningkatan stok awal tahun dan peningkatan pengeluaran MSM.
2. Kelemahan harga minyak kacang soya (MKS) di pasaran dunia. Ini adalah kerana harga MSM dan MKS bergerak seiringan di pasaran di mana kedua-duanya merupakan produk pengganti yang hampir sama.

Kejatuhan harga MSM di pasaran telah menyebabkan harga buah tandan segar (BTS) di pintu kilang) turut menyusut sebanyak 22.9% kepada RM 403 setan pada Januari-Mac 2019

berbanding RM 523 setan untuk tempoh yang sama pada 2018.

Pengeluaran MSM pada Januari-Mac 2019 adalah lebih tinggi berbanding tempoh yang sama pada tahun 2018. Jumlah pengeluaran MSM pada 4.95 juta tan pada Januari-Mac 2019 berbanding 4.50 juta tan pada Januari-Mac 2018, iaitu peningkatan sebanyak 10.0% (Rajah 1). Peningkatan pengeluaran MSM ini adalah disebabkan peningkatan hasil buah sawit dan kualiti BTS yang diproses oleh kilang buah serta peningkatan kadar perahan minyak (KPM) di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.



Rajah 1. Pengeluaran bulanan minyak sawit mentah.

Jadual 4 menunjukkan petunjuk prestasi indikator terpilih industri sawit Malaysia. Pada Januari-Mac 2019, didapati hasil BTS dan minyak masing-masing telah meningkat dengan ketara iaitu sebanyak 5.2% dan 8.9% berbanding tempoh

yang sama pada Januari-Mac 2018. Kadar perahan minyak (KPM) pula telah meningkat sebanyak kepada 20.11% berbanding 19.60% yang dicapai pada tempoh yang sama 2018. Kesan daripada peningkatan dalam pengeluaran MSM didapati stok akhir minyak sawit telah meningkat dengan ketara iaitu sebanyak 21.4% kepada 2.99 juta tan pada Januari-Mac 2019 berbanding hanya 2.46 juta tan pada Januari-Mac 2018.

JADUAL 4. PETUNJUK PRESTASI INDIKATOR TERPILIH INDUSTRI SAWIT MALAYSIA (Januari-Mac)

Indikator	2019	2018	Beza	
			Jumlah	%
Hasil BTS (t/ha)	4.29	4.08	0.21	5.2
Hasil minyak (t/ha)	0.86	0.79	0.07	8.9
KPM (%)	20.11	19.60	0.51	2.6
Stok akhir (juta tan)	2.99	2.46	0.53	21.4

Secara keseluruhan, prestasi industri sawit untuk tempoh Januari-Mac 2019 bercampur-campur berbanding tempoh yang sama pada 2018. Pengeluaran MSM diunjurkan akan terus mencatatkan peningkatan pada suku tahun kedua 2019, selari dengan corak peningkatan pengeluaran MSM. Pertumbuhan eksport minyak sawit negara bagi suku tahun kedua 2019 dijangka akan mengukuh kesan daripada harga sawit yang lebih berdaya saing berbanding minyak sayuran yang lain di dunia.



Sumbangan:
 Ayatollah K Ab Rahman;
 Norfadilah Hashim dan N Balu
 ayat@mpob.gov.my

PELADANG JAYA

PERANAN DAN KEJAYAAN KPSM SERIAN DALAM MEMBANTU ANGGOTA UNTUK BERJAYA



Ahli Lembaga Koperasi KPSM Serian Berhad 2018.

Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) Daerah Serian Berhad telah ditubuhkan pada 8 Februari 2011. Koperasi ini juga didaftarkan di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada 17 Februari 2013. Antara kepentingan penubuhan KPSM di seluruh Malaysia adalah untuk (i) menyatukan pekebun kecil sawit setempat, (ii) menjalankan aktiviti sosial dan ekonomi untuk kepentingan bersama dan (iii) meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui aktiviti yang dijalankan. Sehingga Januari 2019, keahlian KPSM Daerah Serian Berhad adalah seramai 467 orang melibatkan kawasan seluas 3119.85 ha.

Koperasi Penanam Sawit Mampan Daerah Serian Berhad memainkan peranan yang sangat penting dalam memacu hala tuju bagi mencapai

matlamat yang diinginkan. Komitmen anggota yang tinggi dalam membangunkan KPSM merupakan salah satu faktor kejayaan KPSM Daerah Serian Berhad sehingga kini. Bagi memastikan ahli koperasi sentiasa bersama dengan KPSM, pengurusan koperasi perlu memahami kehendak dan keperluan ahlinya agar seiring dengan sasaran yang ditetapkan. Hal ini dapat dilihat menerusi aktiviti jualan utama yang dijalankan iaitu melalui jualan Buah Tandan Segar (BTS). Pihak pengurusan termasuk ahli lembaga sentiasa memastikan bahawa harga yang ditawarkan oleh kilang SALCRA adalah terbaik dan mampu memberi saingan kepada peraih lain yang sudah lama berada dalam industri ini. Ini sekali gus dapat memastikan bahawa ahli yang



Aktiviti yang dijalankan oleh KPSM Serian bersama ahli-ahli koperasi.



Salah satu aktiviti urus niaga yang dilaksanakan oleh KPSM Serian.

ada tidak beralih kepada peraih yang lain untuk menjual BTS mereka. Selain itu, tawaran harga yang menarik telah memberikan impak kumulatif hasil sawit setiap tahun yang mana purata jualan tahunan pada 2018 adalah sebanyak 2100 tan/bulan sekali gus menjadikan KPSM Daerah Serian Berhad sebagai KPSM yang memiliki jumlah hasil BTS yang tertinggi di seluruh Malaysia.

Selain itu, langkah MPOB menubuhkan koperasi di kawasan Serian merupakan salah satu tindakan yang bijak dan tepat yang dapat membantu pekebun kecil setempat. Kedudukan yang strategik antara pekebun dan kilang memudahkan lagi perniagaan KPSM ini menjalankan perniagaan mereka. Kilang SALCRA merupakan kilang tunggal dengan jarak sekitar 40-50 km dari kebun ahli koperasi menawarkan harga yang menarik kepada koperasi dengan tawaran kadar perahan minyak sebanyak 19.5% dan kadar perahan isirung 4.5%. Selain dapat menjimatkan masa dan kos bahan api pekebun kecil, ia memudahkan pihak pengurusan dengan kerjasama MPOB Cawangan Serian mengumpulkan pekebun kecil untuk membuat taklimat, ceramah dan pertunjukan kaedah kepada ahli koperasi. Taklimat dan ceramah berkenaan sawit ini amat penting kepada pekebun kecil untuk mereka menambahkan ilmu dan pengetahuan berkaitan pengurusan sawit yang betul bagi memperoleh BTS yang tinggi.

Komunikasi dan sistem urus tadbir yang baik juga memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan KPSM ini. Di sebalik kejayaan KPSM Daerah Serian Berhad yang dianugerahkan sebagai Koperasi Terbaik Sektor Pertanian dan Asas Tani Peringkat Negeri Sarawak pada 2017, terdapat dua agensi yang sentiasa memantau pergerakan KPSM Daerah Serian Berhad iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang berperanan memastikan segala tindakan dan pelaksanaan koperasi selari dengan peraturan dan undang-undang koperasi. MPOB



Anugerah Koperasi Terbaik Kategori Asas Tani Negeri Sarawak 2017.

juga turut memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan KPSM Daerah Serian Berhad mampu bergerak seiring dengan acuan dan matlamat asal penubuhannya. Wujudnya komunikasi yang baik di antara tiga entiti ini mampu menjadikan sistem pentadbiran koperasi sentiasa berada pada landasan yang betul sekali gus mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada ahli koperasi.

Kejayaan KPSM ini dapat diterjemahkan melalui kejayaan yang telah dicapai iaitu dengan memastikan ahli koperasi mampu menguruskan kebun sawit dengan betul di samping menyahut seruan kerajaan ke arah Pensijilan Sawit Mampan Malaysia serta mampu menyumbangkan komitmen serta pendapatan yang tinggi kepada koperasi. Tuntas kejayaan sesebuah koperasi tidak dapat tercapai sekiranya ketiga-tiga entiti iaitu MPOB, SKM dan pekebun kecil tidak memberikan kerjasama yang padu untuk kejayaan bersama.



Sumbangan

Mohd Arfan Johari dan Remmy Muntigerai
 arfan@mpob.gov.my dan remmy@mpob.gov.my

TEMPAHAN IKLAN DALAM WARTA SAWIT

MPOB mempelawa syarikat-syarikat yang berminat untuk mengiklankan perniagaan, produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan sektor pekebun kecil sawit dalam *Warta Sawit*. Kos untuk pengiklanan bagi saiz A4 (halaman dalam berwarna) adalah RM 800 manakala saiz A4 (halaman belakang) adalah RM 1000. Diskaun 20% diberikan kepada syarikat yang membuat tempahan iklan untuk tiga keluaran berturut-turut. Semua cek adalah atas nama 'Ketua Pengarah MPOB'. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Ainul Shazwin Sahidan
(Tel: 03-8769 4497)
ainul.shazwin@mpob.gov.my

atau

Reza Ashraf Zakaria
(Tel: 03-8769 4997)
reza@mpob.gov.my

Faks: 03-8920 2932

Anda juga boleh membuat tempahan iklan menerusi aplikasi *whatsapp*. Sila ambil gambar borang iklan ini dan hantar ke 017-821 9693. Pegawai kami akan menghubungi anda untuk urusan lanjut.

Tarikh akhir pesanan iklan dalam *Warta Sawit* adalah seperti berikut:

Bilangan terbitan	Keluaran	Tarikh akhir tempahan dan penghantaran filem dan cek
72/(2) 2019	Mei - Ogos 2019	31 Ogos 2019
73/(3) 2019	September - Disember 2019	30 November 2019
74(1) 2020	Januari - April 2020	31 Mac 2020

SLIP TEMPAHAN

Ketua Pengarah MPOB
6, Persiaran Institusi
Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor

U/P: Reza Ashraf Zakaria - Unit Khidmat Pengembangan
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

Syarikat kami berminat untuk menempah iklan dalam *Warta Sawit* MPOB. Sila tandakan (✓) dalam kotak berkenaan:

<input type="checkbox"/> Halaman dalam A4 (warna)	(satu keluaran) <input type="checkbox"/> RM 800	(tiga keluaran) <input type="checkbox"/> RM 1900
<input type="checkbox"/> Kulit belakang (warna)	<input type="checkbox"/> RM 1000	<input type="checkbox"/> RM 2400

Nama Syarikat:	
Alamat:	No. Tel:
	No. Faks:
Nama Pegawai:	
E-mel:	<i>Warta Sawit</i> Bil:

Tandatangan

Tarikh

MANUAL PENGGREDAN BUAH KELAPA SAWIT

SIRI 7

BAB 3:3.3 KLASIFIKASI TANDAN

ii. Tandan Terlebih Masak

Tandan terlebih masak lazimnya tandan yang *mesokarpa* buah lapisan luarnya berwarna kuning-oren dan mempunyai:

- sekurang-kurangnya 10% buah masih melekat pada tandannya; dan
- lebih daripada 50% buah telah relai daripada tandan.



MPOB telah mengeluarkan buku *Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB Edisi Ketiga (2015)*. Buku ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti pengeluaran minyak dan isirung sawit. Buku boleh diperoleh secara:

RM 20.00



Pembelian tunai di **PalmShoppe MPOB:**

Ibu Pejabat MPOB (03-8769 4908),

Stesen Penyelidikan Kluang (07-789 1131), Wisma Sawit Kelana Jaya (03-7820 2854),

Stesen Penyelidikan Keratong (09-451 4400), Pejabat Cawangan Kuantan (09-572 9696) dan

Pejabat Wilayah Sabah (088-493 702)

ATAU

Pembelian melalui pos dengan menghantar wang pos, draf bank, deposit tunai ke akaun MPOB (No. Akaun CIMB: 8600466967) atau cek atas nama 'Ketua Pengarah MPOB' ke:

- Palmshoppe Ibu Pejabat MPOB
Peti Surat 10620, 50720 Kuala Lumpur (u/p: Mohd Rizal Reduan)
No. Tel: 03-8769 4908 No. Faks: 03-8925 4213
Laman Web: www.mpob.gov.my

* Dipetik daripada Buku Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB Edisi Ketiga (2015).

Direktori

M P O B

	Alamat	No. Telefon dan Faks
Ibu Pejabat	Lembaga Minyak Sawit Malaysia 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor	Tel : 03-8769 4400 Faks : 03-8925 9642
Pejabat Wisma Sawit	Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan, Wisma Sawit, Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor	Tel : 03-7802 2800 Faks : 03-7803 3533
Pejabat Wilayah	MPOB Wilayah Utara Suite 11.02, Tingkat 11, Wisma Pantai, Jalan Kg. Gajah 12200 Butterworth, Pulau Pinang	Tel : 04-323 0490/0526 Faks : 04-323 0527
	MPOB Wilayah Tengah Lot PT 11545, No. 3, Jalan P/9B, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor	Tel : 03-8911 0000 Faks : 03-8911 0006
	MPOB Wilayah Selatan Tingkat 3, Bangunan Timjaya, No. 127, Batu 4 ½, Jalan Skudai, 81200 Johor Bahru, Johor	Tel : 07-232 7551/7552/7553 Faks : 07-232 7554
	MPOB Wilayah Timur Lot PT 76928, Bangunan MPOB, Bandar Indera Mahkota, 25000 Kuantan, Pahang	Tel : 09-572 9696 Faks : 09-572 9876
	MPOB Wilayah Sarawak Tingkat 4, Crown Towers 88, Jalan Pending, 93450 Kuching, Sarawak	Tel : 082-342 871/484 051 Faks : 082-342 876
	MPOB Wilayah Sabah Pusat Maklumat dan Taman Sawit (OPPIC) Lot 1, Jalan 1A, KKIP Timur, off Jalan Norowot, 88460 Kota Kinabalu, Sabah	Tel : 088-493 700/702/703/705 Faks : 088-493 709



Mekar Bersatu Padu Sdn Bhd

MEKAR BERSATU PADU SDN. BHD. (953100-M)
TAPAK SEMAIAN ANAK BENIH KELAPA SAWIT
MPOB License No. 580862-011000 | MPOB - CoP/NN/0256

✉ Lot 250, Block 25, 1st Floor, Prima Square, Phase III
Mile 4, North Road, 90000 Sandakan, Sabah

☎ Tel: 013-8025196

☎ Fax: 089-463377



think green. think briar



Meningkatkan produktiviti, Memelihara kualiti tanah dengan efektif, Melindungi alam sekitar dan pertumbuhan yang mampan

Baja kimia organik yang terkini, Formula nutrien yang berkesan, Terdiri daripada fosforus larut, Diperbuat daripada bahan mentah yang berkualiti



MPOB
Formulated by
Malaysian Palm Oil Board



SUPER K18



SUPER K28



NARSCO FERT



MPOB F5 SUPER



MPOB F5 SUPER



MPOB F5

Briar Resources Sdn Bhd (1085890-X)

No.2-1 Jalan Kiara 2, Kawasan Perniagaan Kiara, 43500 Semenyih, Selangor

Tel: +6012 405 1725 Fax: +603 8727 6555

www.briar.com.my info@briar.com.my

